

Media Title : Harian Metro
Headline : 'Modus operandi terbaharu mereka'
Date : 10 July 2023
Section : Lokal
Page : 25



'Modus operandi terbaharu mereka'

Kuala Lumpur: Orang ramai dinasihatkan tidak terpedaya dengan iklan 'perangkap' pengendali laman sosial yang menyamar kononnya adalah selebriti atau pempengaruh yang menawarkan sejumlah wang ketika bersiaran langsung.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata, *scammer* sentiasa mencari jalan dalam menipu mangsanya dan ia adalah modus operandi baharu mereka.

Menurutnya, orang ramai jangan mudah terpengaruh dengan penipuan ini kerana tiada cara mudah untuk mendapatkan duit kecuali memang ada pertandingan yang sah dan diperakui.

"Namun jika tiba-tiba terima mesej anda memenangi pertandingan bertuah atau seperti taktik menawarkan hadiah ketika membuat siaran langsung dengan menyamar guna akaun orang lain, janganlah mempercayainya.

"Jangan melayan apa-apa sahaja tawaran berbentuk kewangan jika ia meragukan kerana lebih baik kita cegah sebelum menjadi mangsa



Jangan melayan apa-apa sahaja tawaran berbentuk kewangan jika ia meragukan kerana lebih baik kita cegah sebelum menjadi mangsa penipuan"

Ramli

penipuan," katanya.

Katanya, pihaknya mengesahkan kaedah itu adalah taktik baharu *scammer* dalam memerangkap orang ramai menjadi mangsa penipuan.